



LEGENDA UPM dan AFM Melaka bergambar sebelum perlawanan 4 penjuru di Serdang, baru-baru ini.

## Veteran belum hilang bisa

**Nazri Abu Bakar**  
sukan@hmetro.com.my

**Melaka:** Bekas pemain Malaysia 1990-an, Malek Rahman, Halim Zaiton dan Mat Zan Mat Aris antara yang menyertai kejohanan empat penjuru anjuran bekas pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) di kampus Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Mereka yang masing-masing mewakili pasukan bekas pelajar UPM dan staf universiti itu bersaing bersama kakitangan MARDI dan pasukan jemputan AFM Melaka membabitkan saingan vete-

ran berusia 40 tahun ke atas.

Pengerusi program Saheh Said berkata, pertemuan itu memberi makna besar terhadap nilai persahabatan dan ikatan silaturahim menerusi pembabitkan dalam sukan.

Katanya, penyertaan pemain veteran juga memberi kesan besar terhadap minat generasi muda terhadap sukan berkenaan dalam masa sama mengimbau kehebatan dan kemahiran masing-masing.

"Kami bercadang mengadakan kejohanan ini secara tahunan kerana ramai legenda turut beraksi termasuk

bekas pemain Selangor Fahmi Mohd Isa dan Soh Chor Len, selain bekas pemain Negeri Sembilan Ching Hong Aik.

"Kemenangan bukan matlamat sebenar sebaliknya lebih kepada meningkatkan kecergasan dan menjaga kesihatan," katanya.

Sementara itu, Malek berkata, usaha penganjur amat membanggakan kerana menemukan semula ramai bekas pemain serta rakan lama semasa pernah menuntut di era persekolahan.

Katanya, walaupun aksi tidak sehebat dulu, cukup untuk mendedahkan semula kemahiran dimiliki.